



06 SEP, 2026

TNB perkasa literasi tenaga komuniti luar bandar

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 1

TNB perkasa literasi tenaga komuniti luar bandar

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperluas usaha meningkatkan literasi tenaga dalam kalangan masyarakat luar bandar menerusi Malaysia Energy Literacy Program (MELP) yang memberi pendedahan mengenai penggunaan elektrik secara cekap, selamat dan bertanggungjawab.

Usaha itu diterjemahkan menerusi penganjuran MELP Bersama Komuniti Mukim Cheka 1 di Kuala Lipis, Pahang yang menghimpunkan kira-kira 600 penduduk dari sembilan kampung.

Program berkenaan memberi peluang kepada masyarakat setempat meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan tenaga, selain memahami amalan penggunaan elektrik secara lebih cekap dan selamat.

Ia turut menjadi platform libat urus dua hala antara TNB dan komuniti setempat bagi membolehkan pandangan serta keperluan masyarakat berkaitan tenaga didengar.

Dalam program sama, TNB menyalurkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM75,000 kepada

sekolah, masjid, surau dan pertubuhan kebajikan di sekitar Mukim Cheka 1.

Kira-kira 100 murid sekolah rendah turut menyertai pertandingan mewarna bertemakan tenaga lestari, selain sesi perkongsian dan interaksi bersama komuniti.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, literasi tenaga merupakan asas penting dalam membentuk masyarakat yang mampu membuat pilihan tenaga secara lebih bijak, sekali gus memainkan peranan dalam menjayakan agenda peralihan tenaga negara.

“Peralihan tenaga tidak boleh bergantung kepada dasar, teknologi dan pelaburan semata-mata.

“Justeru, program seperti MELP perlu sampai kepada masyarakat di peringkat akar umbi, termasuk komuniti luar bandar, supaya mereka memahami perubahan dalam landskap tenaga dan mengetahui bagaimana mereka boleh memainkan peranan,” katanya dalam kenyataan.